



SIARAN MEDIA
ARAHAN PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) 3.0
1 JUN HINGGA 30 JUN 2021

“MPS TARIK LESEN DAN ARAHKAN KILANG BARANGAN PLASTIK DITUTUP”

1. Pada operasi pematuhan SOP oleh MPS bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM), sebuah kilang plastik di Sungai Buloh telah dikenakan tindakan penarikan lesen perniagaan dan arahan tutup serta merta oleh MPS selain dikenakan kompaun berjumlah RM10,000 di bawah peraturan 17 P.U 278/2021 Akta 342 Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (pindaan) 2001 oleh pihak Polis Diraja Malaysia pada hari ini.
2. Tindakan ini dikenakan setelah didapati kilang tersebut beroperasi tanpa mendapat kebenaran daripada pihak MITI dan bukan berada dalam kategori perkhidmatan perlu (*essential*).
3. Untuk makluman juga, sepanjang PKP 3.0 dilaksanakan bermula 1 Jun sehingga 30 Jun 2021, MPS telah menjalankan pemantauan dan pemeriksaan pada setiap hari di seluruh kawasan pentadbiran perbandaran Selayang iaitu di pasar-pasar awam, kilang-kilang perindustrian, bengkel kenderaan, kawasan-kawasan awam, premis perniagaan, bengkel kenderaan, penjaja dan badan pengurusan bersama JMB/MC.
4. Sepanjang 30 hari pemantauan SOP PKP ini dilaksanakan, sebanyak 1,683 premis dan 855 penjaja telah dilawat dan sebanyak 676 premis telah diperiksa. Selain itu, MPS turut mengeluarkan sebanyak 90 notis, 68 kompaun dan 40 premis juga telah diarahkan untuk ditutup. Sebanyak 296 amaran lisan juga telah diberikan kepada para peniaga untuk mematuhi SOP PKP yang telah digariskan.
5. MPS akan terus melakukan pemantauan untuk memastikan setiap peraturan dan arahan sepanjang tempoh PKP 3.0 dipatuhi. MPS juga ingin mengingatkan kepada semua pengunjung, para peniaga dan pemilik kilang agar terus memberi kerjasama dan membantu usaha kerajaan dalam mengesahkan penularan wabak Covid-19 yang sedang melanda negara.
6. Untuk sebarang pertanyaan ataupun aduan, orang ramai boleh menghubungi talian 03-6126 5800 atau layari www.mps.gov.my. Orang ramai juga boleh merujuk laman sosial MPS untuk sebarang pengumuman terkini berkaitan MPS.

Dikeluarkan Oleh:

En. Mohamad Zin bin Masoad A.M.S

Pengarah

Jabatan Korporat

B.P Pemangku Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Selayang

30 Jun 2021